

Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia Cawangan Selangor 马来西亚房地产发展商会(雪兰莪分会)

REHDA Real Estate And Housing Developers' Association Malaysia Selangor Branch

MEMBERS CIRCULAR: 8/2021

TO : ALL REHDA SELANGOR MEMBERS

FROM : ZULKIFLY GARIB

CHAIRMAN OF INFRASTRUCTURE, UTILITIES & ENVIRONMENT

SUB-COMMITTEE

DATE : 10 NOVEMBER 2021

SUBJECT : Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) Grievances On Site

Monitoring By Consultants

Dear Fellow Members,

Please be informed that Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) notified the grievances against numerous consultants who were not present during Quality Test Inspection. In the letter, SPAN stated that some of the appointments were cancelled when their officers arrived at the site only to realize that the site was not ready for inspection. The letter also highlighted its concerns where the hired contractors are left to carry out their work without being monitored by the appointed consultants.

SPAN as the regulatory body for water and sewerage operators will suspend or revoke the recognition granted and even blacklist any consultants company for such period as it deems necessary.

Enclosed herewith is a copy of the letter for your kind reference and attention. Members are advised to highlight this matter to their respective consultants and to ensure duties are carried out without compromise.

Thank you.

Yours sincerely,

REAL ESTATE & HOUSING DEVELOPERS ASSOCIATION MALAYSIA SELANGOR BRANCH (REHDA SELANGOR)

ZULKIFLY GARIB

CHAIRMAN OF INFRASTRUCTURE, UTILITIES & ENVIRONMENT SUB-COMMITTEE

- * Note: This is a computer-generated circular, no signature is required
- Wisma REHDA, No 2C, Jalan SS5D/6, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
- Tel: (603) 7806 4853, 7806 4860 Fax: (603) 7880 4685 E-mail: selangor@rehda.com Website: www.rehdaselangor.com



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: SPAN/BOW/TGH/300-2/12(58)

Tarikh : 30 Ogos 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PENGAMBILALIHAN SISTEM BEKALAN AIR PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

- Masalah Kualiti Pengawasan Tapak Oleh Perunding Yang Dilantik Oleh Pemaju Bagi Tempoh Januari 2021 hingga Mac 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. rujukan no. AIS/PCW/DVS/QT11/ADUAN/KONS/202(00981) bertarikh 16 Jun 2021 adalah berkaitan.

- 2. Untuk makluman Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan, SPAN telah menerima aduan daripada pihak Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) berhubung ketiadaan pengawasan di tapak secara sepenuh masa oleh pihak perunding. Dimaklumkan perunding yang telah dilantik tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan baik ke atas projek di bawah seliaannya dengan menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab tersebut ke atas kontraktor utama yang dilantik.
- 3. Selain itu, pihak Air Selangor turut memaklumkan bahawa pihaknya telah menerima permohonan untuk melaksanakan pemeriksaan/ujian di tapak iaitu *Quality Test* (QT) selaras dengan peraturan pengambilalihan sistem bekalan air bagi projek-

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Wilayah Tengah) Aras Bawah, Prima 8,

Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.

T 603 8317 9333/334/335 F 603 8317 9460

W www.span.gov.my



projek pembangunan yang dibangunkan dan pihaknya juga telah menyediakan jadual pemeriksaan berdasarkan kepada tarikh-tarikh yang telah dipohon oleh pihak perunding. Walau bagaimanapun, SPAN difahamkan pihak Air Selangor terpaksa membatalkan pemeriksaan tapak disaat akhir disebabkan kegagalan pihak perunding kerana ketidak sediaan pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan di tapak bagi memastikan tapak tersebut telah bersedia untuk diuji.

- 4. Sepertimana yang Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab sebagai perunding atau orang yang berkelayakan (QP) perlulah mematuhi semua undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkaitan yang dibuat di bawah mana-mana perundangan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan, Suruhanjaya dan Pemegang Lesen pengagihan air. Sekiranya pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan tidak dapat mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan yang ditetapkan ini, maka sedikit sebanyak akan mempengaruhi kemajuan sesuatu projek seperti kelewatan pelaksanaan sesuatu projek yang dilaksanakan malah boleh menjejaskan mutu kualiti kerja/ bahan.
- 5. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan sesuatu projek di bawah seliaan pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan berjalan mengikut jadual yang ditetapkan, adalah dinasihatkan agar mana-mana pihak perunding mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Sekiranya mana-mana pihak gagal mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan, SPAN selaku badan kawal selia terhadap operator air dan pembetungan akan menggantung atau membatalkan pengiktirafan yang telah diberikan malah menyenarai hitamkan mana-mana syarikat perunding bagi suatu tempoh yang difikirkan perlu.
- 6. Sehubungan itu, pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan dipohon untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak pemegang lesen pengagihan air bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Segala perhatian dan kerjasama pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

PENGAMBILALIHAN SISTEM BEKALAN AIR PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

- Masalah Kualiti Pengawasan Tapak Oleh Perunding Yang Dilantik Oleh Pemaju Bagi Tempoh Januari 2021 hingga Mac 2021

"MELESTARIKAN PERKHIDMATAN AIR"

Yang benar,

(AHMAD HAFIZULLAH AMIR BIN AHMAD RAZALI)

Pengarah

Pejabat Wilayah Tengah

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

aag

PENGAMBILALIHAN SISTEM BEKALAN AIR PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

- Masalah Kualiti Pengawasan Tapak Oleh Perunding Yang Dilantik Oleh Pemaju Bagi Tempoh Januari 2021 hingga Mac 2021

4. REHDA CAWANGAN SELANGOR

Wisma REHDA No.2C, Jalan SS5D/6

Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya

SELANGOR DARUL EHSAN

Tel

: 03 7806 4853

Faks

: 03 7880 4685